

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 28 SEPTEMBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10.	PROGRAM REZEKI TANI, NASIONAL, SH -7 PASUKAN KHAS GABUNG TANAH SAWAH, NASIONAL, BH -15 AGRICULTURE MINISTRY TO SET UP TASK FORCE TO CONSOLIDATE PADDY FIELDS, SAYS SALAHUDDIN, NEWS, MARTIN TF WONG -10 AGRICULTURE MINISTRY TO SET UP TASK FORCE TO CONSOLIDATE PADDY FIELDS, SAYS SALAHUDDIN, NEWS, MALAY MAIL -3 AGRICULTURE MINISTRY TO SET UP TASK FORCE TO CONSOLIDATE PADDY FIELDS, SAYS SALAHUDDIN, NEWS, BERNAMA -4 SKIM REZEKI TERNAK PERKASA INDUSTRI PENGHASILAN DAGING NEGARA, SH -ONLINE AGRICULTURE MINISTRY TO SET UP TASK FORCE TO CONSOLIDATE PADDY FIELDS, SAYS SALAHUDDIN, NEWS, BERNAMA -4 AGRICULTURE MINISTER: MERGING PADDY SMALLHOLDING INTO ESTATE TO BE IMPLEMENTED TO, NATION, SIN CHEW DAILY -3 JATI LANCAR BERAS PREMIUM, BISNES, SH -38 TERIMA KEPELBAGAIAN, PERBEZAAN, NASIONAL, SH -9	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
11.	300 PENDUDUK JERANTUT TERIMA BENIH KELAPA KOMERSIAL, UM -ONLINE	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
12.	600KG SUSPECTED BOMBED FISH SEIZED, NATION, DAILY EKSPRESS (KK) -4	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
13.	FAMA PERKENALKAN INSTITUT LATIHAN BAGI LAHIR PELATIH PEMASARAN PERTANIAN, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
14. 15. 16. 17. 18.	MARDI LANCAR BAKA KAMBING BAHARU DIKENALI 'BK', NEWS, BERNAMA -4 MARDI LANCAR BAKA KAMBING BAHARU DIKENALI 'BK', NEWS, HEAD TOPICS -7 MARDI LANCAR BAKA KAMBING BAHARU DIKENALI 'BK', NEWS, MALAYSIA SHAFQAQA -5 MARDI LAUNCHES BK GOAT BREED, NEWS, BERNAMA -4 MARDI BK, NEWS, CHINA PRESS -6	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
19.	DILATARI KEHIJAUAN ALAM, MY METRO -ONLINE	PERSATUAN NEAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT)
20. 21. 22. 23.	RAMAH MESRA, NEGARA, KOSMO -4 ATAZI SEGERA ISU BAJA PADI, FORUM, UM -15 PPK PERLU REALISASI LIMA KLUSTER, NASIONAL, SH -9 NAFAS MEMBERS URGED TO CASH IN ON AGRICULTURAL CLUSTERS, NEWS, BERNAMA -4	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
24. 25. 26. 27. 28. 29. 30. 31.	MALAYSIA TUMPU SEKTOR PERTANIAN, BH -ONLINE BAJET 2020 PERLU LAHIRKAN RAMAI USAHAWAN TANI, UM -ONLINE PENYU KARAH KHAZANAH LAUT MELAKA, NASIONAL, BH -73 KERAJAAN FOKUS SEKTOR PERTANIAN, NASIONAL, BH -3 BIDANG TERNAKAN TAK GLAMOUR TETAPI LUMAYAN, WARNA DAN KEHIDUPAN, SH -20 AZMIN: AGRICULTURE SECTOR VITAL TO BRING ECONOMY TO NEXT LEVEL, NATION/NEWS, NST -3 DETAINED VIET FISHERMEN MAKE A DASH FOR FREEDOM IN SANDAKAN, NATION, THE STAR -14 BENTONG FARMERS MAY CEASE GINGER PRODUCTION IF FORCED TO RELOCATE TO NEW SITE, NEWS/NATION, NST -10	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Program Rezeki Tani

**MOA fokus perkasakan ekonomi penduduk di seluruh negara, bantu tingkatkan pendapatan**

ADILA SHARINNI WAHID

KOTA BHARU

**K**ementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) terus fokus memperkasakan ekonomi penduduk di seluruh negara melalui Program Rezeki Tani yang mampu meningkatkan pendapatan lebih dua kali ganda.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, sebanyak RM10 juta diperuntukkan terhadap program pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan itu sehingga 2020.

Katanya, peruntukan itu disasarkan kepada 1,000 golongan berpendapatan rendah dan bertujuan merencanakan pengeluaran, pemrosesan, pengedaran dan pemasaran dalam perniagaan mereka, sekali gus membawa mereka melepasi garis B40.

"Kerajaan komited membantu rakyat keluar daripada belunggu kemiskinan dengan menyalurkan bantuan peralatan kepada pengusaha kecil-kecilan bagi mengembangkannya lagi perniagaan mereka.

"Pemilihan peserta dibuat berdasarkan penyelidikan pegawai yang turun padang sendiri ke kampung-kampung menca-



Krim puff lembut dan gebu yang dihasilkan Nor Asiah sentiasa ditempah oleh pelanggan.

ri mereka yang sudah memulakan perniagaan dan dibantu dengan memberikan peralatan yang lebih baik seperti mesin serta sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas penyerahan sumbangan empat peralatan dapur bernilai RM10,000 kepada peserta Program Rezeki Tani di Kampung Sungai Keladi di sini kelmarin.

Nor Asiah Ali, 48, yang terpilih melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menerima sumbangan dapur, ketuhtar, peti sejuk beku dan sinki.

Ibu kepada 10 anak berusia empat tahun sehingga 23 tahun bersama sembilan peserta lain di Kelantan akan menerima sumbangan mengikut keperluan masing-masing selepas ini.

Salahuddin berkata, pihak MOA akan memperbanyakkan

**Kerajaan komited membantu rakyat keluar daripada belunggu kemiskinan dengan menyalurkan bantuan peralatan kepada pengusaha kecil-kecilan."**

- Salahuddin

program yang akan dilaksanakan dan bersedia untuk memperjuangkan bagi mendapatkan peruntukan yang lebih banyak dalam belanjawan tahun depan.

"Keadaan ekonomi meningkat, peruntukan akan lebih banyak, lebih ramai golongan sasaran dapat menerima bantuan



Salahuddin (kanan) menurunkan tandatangan pada plak di peti sejuk beku sambil diperhatikan oleh Nor Asiah.



Nor Asiah menceritakan rutin hariannya membuat krim puff kepada Salahuddin (kanan).

seterusnya menggandakan pendapatan sehingga keluar dari garisan B40 serta lebih berjaya pada masa hadapan," katanya.

Sementara itu, Nor Asiah berkata, dia berasa terharu dan berterima kasih kepada pihak MOA dan FAMA kerana merealisasikan impiannya untuk memperkembangkan perniagaan krim puff yang diusahakan secara kecil-kecilan sejak 16 tahun lalu.

"Sebelum ini saya terpaksa menolak tempahan pelanggan kerana kekangan ketuhtar yang kecil menyebabkan krim puff hanya dihasilkan dalam jumlah yang kecil.

"Kalau dulu sehari saya hanya dapat siapkan 600 biji dan sekarang pengeluaran akan lebih rancak, dijangka sehingga dua kali ganda iaitu 1,200 biji mampu dihasilkan dalam tempoh sehari," katanya.



Salahuddin (dua dari kanan) melihat ketuhtar yang diberikan oleh pihaknya kepada Nor Asiah.



Nor Asiah bersyukur dengan sumbangan yang diampunkan oleh Salahuddin.

# Pasuk kan khas gabung tanah sawah

Pegawai pelbagai agensi kenal pasti model sesuai untuk diaplikasi akhir tahun

Oleh Mohd Zulkiffi Zaimuddin  
mohd.zulkiffi@nstp.com.my

**Kota Bharu:** Pasukan khas akan ditubuhkan untuk merealisasikan hasrat penggabungan tanah sawah yang dijangka dilakukan menjelang akhir tahun ini, kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

Beliau berkata, pasukan yang akan dianggotai pegawai tertinggi membabitkan pelbagai agensi kerajaan itu ditugaskan membuat kajian terperinci bagi mengenal pasti model sesuai untuk penggabungan tanah sawah.

"Kita sudah ada model yang akan dikemukakan dan dijangka boleh diaplikasikan menjelang

akhir tahun ini bagi pembangunan tanah sawah.

"Penggabungan tanah sawah ini dapat memberi nilai tambah dalam aspek pengurusan, sekali gus meningkatkan pendapatan pesawah," katanya selepas Merasmikan Karnival Jalanan Tani di Institut Latihan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kota Bharu, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemuning (KADA), Datuk Husnan Musa.

Salahuddin berkata, buat permulaan, penggabungan sawah akan dilaksanakan dengan bantuan KADA dan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

"Pelaksanaan ini juga akan mewujudkan pengurusan ladang yang dapat memastikan aktiviti petani berjalan selajunya seperti dijangka FELCRA dan beberapa agensi lain," katanya.

Akhbar sebelum ini melaporkan, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, pesawah kecil perlu mencantumkan tanah milik mereka bagi dijadikan ladang padi yang diurus se-



Salahuddin (tengah) bergambar bersama peserta Ladang Kontrak MOA pada majlis perasmian Karnival Jalanan Tani di Institut Latihan FAMA Kota Bharu, semalam. (FOTO ZAMAN HURI ISA/BH)

cara profesional dan menjaga ke-untungan.

Beliau berkata, jika usaha itu tidak dilakukan, pesawah kecil akan terus menjadi antara rakyat termiskin di negara ini yang bergantung kepada subsidi dalam penanaman sawah.

Sementara itu, Salahuddin berkata, usahawan bimbingan FAMA semakin mendapat tempat apabila produk mereka berada di pasaran tempatan dan antarabangsa.

Katanya, terdapat lebih 60,000 usahawan FAMA di negara ini dan kebanyakan produk mereka

dibungkus menarik setanding produk antarabangsa.

"Pada masa sama, kita mementingkan pegawai mencari golongan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) terutama mereka yang menjadi usahawan untuk di-bimbing," katanya.

Headline	Agriculture Ministry to set up task force to consolidate paddy fields, says Salahuddin		
MediaTitle	Martin TF Wong (martintfwong.com)		
Date	28 Sep 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	1
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 150
Frequency	Daily	PR Value	RM 450

## **Agriculture Ministry to set up task force to consolidate paddy fields, says Salahuddin |**

Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub said the task force would conduct an in-depth study and identify the appropriate model to be applied following the prime minister's proposal. — Picture by Miera Zulyana  
KOTA BARU, Sept 28...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Headline	Agriculture Ministry to set up task force to consolidate paddy fields, says Salahuddin		
MediaTitle	Malay Mail(www.malaymail.com)		
Date	28 Sep 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	4
Order Rank	3	Readership	4
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,000
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,000

## **Agriculture Ministry to set up task force to consolidate paddy fields, says Salahuddin**

KOTA BARU, Sept 28 — The Ministry of Agriculture and Agro-based Industry has set up a task force comprising top officials involving various government agencies to realise the intention of consolidating paddy fields. Its minister Datuk Salahuddin Ayub sai...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Ministry to set up task force for consolidation of paddy fields		
MediaTitle	Bernama.com (www.bernama.com)		
Date	28 Sep 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	5
Order Rank	4	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,250
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,750

## Ministry to set up task force for consolidation of paddy fields

KOTA BHARU, Sept 27 -- The Ministry of Agriculture and Agro-based Industry has set up a task force comprising top officials involving various government agencies to realise the intention of consolidating paddy fields. Its minister Datuk Salahuddin Ayub s...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/9/2019	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Skim Rezeki Ternak perkasa industri penghasilan daging negara



ALOR GAJAH - Skim Rezeki Ternak yang akan diperkenalkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani antara langkah bagi memperkasakan dan memantapkan industri penghasilan daging di negara ini.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, cadangan menjenamakan semula program itu yang dahulunya dikenali sebagai Sistem Lembu Pawah pada tahun depan bagi membolehkan kementerian memfokuskan manfaat kepada 1,000 peserta golongan sasaran terdiri dalam kalangan pengusaha B40.

Menurutnya, industri dominan yang dipelopori di negara ini mencapai hasil hanya 23 peratus dan kerajaan menyasarkan peningkatan kepada 30 peratus dalam jangka lima tahun akan datang

"Kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar akan menawarkan sebanyak lima ekor lembu atau 10 ekor kambing bagi seorang pengusaha selain dapat membantu golongan penternak, skim ini juga dijangka mampu meningkatkan Tahap Kemandirian Sendiri (SSL)

Salahuddin (tengah) ketika sidang media selepas Sambutan 125 Tahun Perkhidmatan Veterinar yang disempurnakan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail di Dewan Persidangan dan Pameran Freeport A' Famosa Outlet di Simpang Ampat di sini hari ini.

"Dengan adanya sistem ini, golongan penternak akan diberikan modul pengurusan penternakan yang betul agar dapat melahirkan pengusaha yang berkemahiran tinggi di dalam industri ini," katanya.

Salahuddin berkata demikian ketika sidang media selepas Sambutan 125 Tahun Perkhidmatan Veterinar yang disempurnakan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail di Dewan Persidangan dan Pameran Freeport A' Famosa Outlet, di Simpang Ampat di sini hari ini.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin, Ketua Menteri Melaka, Adly Zahari dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan.

Tambahnya, golongan penternak akan diberikan modul pengurusan penternakan yang betul agar dapat melahirkan pengusaha yang berkemahiran tinggi di dalam industri ini.

Bagaimanapun katanya, pelaksanaan terbabit bergantung kepada peruntukan dikeluarkan pada Bajet 2020 tahun hadapan.

"Jadi kita akan tunggu peruntukan dikeluarkan dan kita sasarkan seramai 1,000 penternak akan menerima manfaat ini, malah akan dilaksanakan secara berperingkat dalam masa lima tahun ini.

"Perlaksanaan ini akan dilaksanakan pada tahun hadapan dan harap dapat membantu meningkatkan kadar penghasilan daging dari negara ini," katanya.

Headline	Ministry to set up task force for consolidation of paddy fields		
MediaTitle	Bernama.com (www.bernama.com)		
Date	28 Sep 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	5
Order Rank	4	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,250
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,750

## Ministry to set up task force for consolidation of paddy fields

KOTA BHARU, Sept 27 -- The Ministry of Agriculture and Agro-based Industry has set up a task force comprising top officials involving various government agencies to realise the intention of consolidating paddy fields. Its minister Datuk Salahuddin Ayub s...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)



Headline	Agriculture Minister: Merging paddy smallholdings into estates to be implemented to		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	28 Sep 2019	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	3	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	76 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,693
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,078



## 農長：設小組集結小稻田 落實合併提升稻農收入

（哥打峇魯 27 日訊）農業及農基部長拿督沙拉胡丁指出，農業部已經成立一個工作小組，去落實集結位置鄰近的小面積稻田集中管理，提高稻農收入的計劃。

首相敦馬哈迪較早前促請稻農效仿橡膠及油

棕種植經驗，集結位置鄰近的小面積稻田，聘專業經理人集中管理，採用先進技術及高科技輔助以期提高收入，解決稻農繼續淪為貧困群體的困境。

他今天為一項農業嘉年華會主持開幕禮後，對記者說，慕達農業發展

局（MADA）和格姆布農業發展局（KADA）將在上述計劃扮演重要的角色。

沙拉胡丁說，這個由多個政府單位的高官所組成的小組將針對首相的合併建議進行深入研究，以圈定一個最適合的模式，他相信這個模式將在今年抄出爐，以發展這些小面積稻田，為稻農增值。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/9/2019	SINAR HARIAN	BISNES	38

## Jati lancar beras premium

SW Food Group, pengeluar dan pemborong beras terbesar di Malaysia melancarkan satu siri beras premium Cap Jati sempena ulang tahun ke-25 jenama berkenaan baru-baru ini.

Siri beras premium Cap Jati terdiri daripada Jati Signature Super Spesial Tempatan, PUSA Finest Basmathi 1121 dan PUSA Finest Basmathi 1509.

Dalam satu kenyataan media, SW Food Group memaklumkan, pelancaran itu bermatlamat untuk meningkatkan kualiti dan

persepsi beras tempatan setaraf beras import.

“Jati percaya bahawa dengan peningkatan kualiti dan persepsi beras tempatan dalam kalangan pengguna, ia juga dapat menaikkan taraf kesejahteraan para petani beras tempatan di Malaysia.

“Beras Jati Signature Super Spesial Tempatan ini diperoleh dari ladang terbaik di Malaysia. Ia kemudiannya diproses dan dibungkus di bawah kawalan kualiti yang ketat,” kata kenyataan itu.

Beras Jati Signature Super Spesial Tempatan yang baru ini boleh didapati di seluruh pasar raya besar seluruh Malaysia tidak lama lagi.

Dalam pada itu, SW Food Group turut memperkenalkan Pertandingan Memasak Dalam Talian Keluarga Kreatif Jati 2 yang pertama di Malaysia.

Orang ramai yang berminat boleh mendapatkan maklumat mengenai pertandingan tersebut di Facebook rasmi Jati sebelum 31 Oktober 2019.



Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin (tengah) menyempurnakan pelancaran beras premium Cap Jati dan Pertandingan Memasak Dalam Talian Pertama di Malaysia di Kuala Lumpur baru-baru ini.

# 'Terima kepelbagaian, perbezaan'

TPM minta rakyat jalin hubungan baik, saling melengkapi

Oleh Wan Faizal Ismayatim dan Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mahu perbezaan dan kepelbagaian dalam kalangan rakyat di negara ini diterima seadanya dengan sikap positif dan optimistik, seajar konsep Rahmatan Lil Alamin.

Timbalan Perdana Menteri berkata, ini supaya setiap rakyat saling mengenali, melengkapi dan menjalin kerjasama yang harmoni antara satu sama lain.

"Memuliakan manusia atas sifat kemanusiaan, tanpa mengira agamanya, adalah suatu tuntutan keagamaan," katanya ketika berucap merasmikan Karnival Rahmah 2019 (KR19) di Dataran Putrajaya di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof; Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd Samad dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Sallehudin Ayub.

KR19 anjuran Jabatan Perdana Menteri (Agama), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) berlangsung selama tiga hari bermula semalam di Dataran Putrajaya.

Antara pengisian program adalah diskusi duta Rahmah, pencarian bilal, Maidatul Quran, kar-nival sukan dan kanak-kanak,



Dr Wan Azizah bersama Mujahid melawat pameran sempena Karnival Rahmah 2019 di Dataran Putrajaya, (Foto Ahmad Irfam Mohd Noor/BH)

Program JAWI Food Bank, Eco Alami Ride, Halal Fun Run, seminar tahfiz, pesta buah-buahan, jamuan, konsert serta pameran dari pelbagai jabatan dan agensi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, nilai kasih sayang dan saling menghormati meliputi seluruh umat manusia yang difahami dari konsep Rahmatan Lil Alamin dan nilai itu mesti dihayati setiap individu.

"Meskipun kita bergaul dengan orang yang berbeza agama, namun kedamaian hidup tetap men-

jadi keutamaan rakyat Malaysia," katanya.

Beliau berkata, KR19 adalah salah satu daripada 14 program utama yang menjadi penanda aras kepada program Rahmah yang lain untuk tahun ini dan tahun depan.

Antara program itu, katanya, termasuk 'Clean and Green', iaitu program yang menyantuni alam sekitar bagi memelihara kemaslahatan manusia dan alam, selain program Peduli Remaja yang menyediakan pusat aktiviti kepada

remaja perumahan kos rendah, selain perpustakaan percuma untuk menghidupkan budaya membaca.

"Program lain ialah Skuad Rahmah @Kampus iaitu dialog bersama mahasiswa bagi melahirkan pelajar kepimpinan yang mempunyai nilai rahmah.

"Satu matlamat utama karnival ini adalah untuk merealisasikan konsep Rahmah itu sendiri agar jelas dirasai oleh seluruh rakyat tanpa mengira agama, bangsa dan kaum," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/9/2019	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

### 300 penduduk Jerantut terima benih kelapa komersial



JERANTUT 27 Sept. - Lanskap di sekitar perumahan pinggir bandar dalam kawasan seliaan pihak berkuasa tempatan (PBT) di sini bakal ditumbuhi pokok kelapa yang menghadirkan pemandangan menarik di samping sebagai tujuan komersial bagi menambah pendapatan.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Felda, Koperasi, Keusahawanan dan Kepenggunaan negeri, Datuk Nazri Ngah berkata, selain buah-buahan, kelapa juga boleh membantu penduduk pinggir bandar memperoleh pendapatan sampingan memandangkan hasil berkenaan mempunyai pasaran tinggi khususnya menjelang musim perayaan.

Beliau berkata, Jabatan Pertanian telah merealisasikan projek tanaman itu dengan merintis sumbangan sebanyak 600 benih kelapa kepada seramai 300 penduduk di Kampung Bukit Rang, Kampung Perian, Kampung Bandar, Kampung Kedondong dan Kampung Masjid di sini.

"Projek ini antara pembangunan ekonomi perumahan pinggir bandar dan perkampungan di pesisir Sungai Pahang sekali gus menjadikan daerah ini bakal pengeluar utama kelapa dalam tempoh empat tahun akan datang.

"Kejayaan projek ini juga memenuhi aspirasi kerajaan negeri dan Jabatan Pertanian untuk mewujudkan kawasan perumahan pinggir bandar dipenuhi tanaman kelapa sebagai sumber pendapatan penduduk dan landskap ceria," katanya selepas pelancaran Program Penanaman Kelapa Keliling Rumah (KKR) di Kampung Bukit Rang hari ini.

Menurut Nazri, projek berkenaan merupakan sumber kekayaan baharu yang diterjemahkan menerusi transformasi pembangunan sektor pertanian termasuk tanaman durian dan nanas yang telah dilaksanakan di tempat lain.

"Penduduk yang menerima bantuan ini sewajarnya tidak melepaskan peluang dengan menambahkan jumlah tanaman kelapa komersial sebagai sumber pendapatan jangka panjang bagi isi rumah," katanya. - UTUSAN ONLINE

Headline	600kg suspected bombed fish seized		
MediaTitle	Daily Express (KK)		
Date	28 Sep 2019	Color	Black/white
Section	Nation	Circulation	25,055
Page No	4	Readership	75,165
Language	English	ArticleSize	69 cm <sup>2</sup>
Journalist	Stefyanie Myla	AdValue	RM 147
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 440



## 600kg suspected bombed fish seized

**Stefyanie Myla Micheal**

**KOTA KINABALU:** Some 600kg of various fish believed caught with explosives were seized along with four barrels of fish worth RM13,800 at Safma, Friday.

Responding to public complaints, a team of personnel and members of the Kota Kinabalu Marine Police Team along with 15 personnel from the Fisheries Department conducted an inter-agency operation at Safma, Friday.

Marine Police Region 4 Sabah Commander, ACP Haji Mohamad Pajeri Ali, said the operation focused on sellers of bombed fish.

"Some 35 sellers were inspected by the fisheries officer. All the suspects were taken to the Marine Police Operations Headquarters and the case was referred to the Fisheries Department Investigating Officer to be investigated under Section 26(1)(c) of the Fisheries Act 1985.

Headline	FAMA perkenalkan institut latihan bagi lahir pelatih pemasaran pertanian		
MediaTitle	Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/)		
Date	28 Sep 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	4
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 600
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,800

## **FAMA perkenalkan institut latihan bagi lahir pelatih pemasaran pertanian**

MESRA: Datuk Salahuddin Ayub (dua kanan) melawat gerai jualan selapas merasmikan Karnival Jalinan Tani di Institut Latihan FAMA Kota Bharu (ILFKB) semalam. — Gambar Benama  
KOTA BHARU: Institut Latihan FAMA Kota Bharu (ILFKB) telah diwujudkan Lembaga Pema...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Mardi lancar baka kambing baharu dikenali 'BK'		
MediaTitle	Bernama.com (www.bernama.com)		
Date	28 Sep 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	5
Order Rank	4	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,250
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,750

## Mardi lancar baka kambing baharu dikenali 'BK'

KLUANG, 28 Sept (Bernama) -- Baka kambing baharu, dikenali sebagai 'BK'dilancarkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi), hari ini, sekali gus bakal memenuhi kehendak pasaran selain memastikan bekalan makanan negara ini terus terja...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Mardi lancar baka kambing baharu dikenali BK		
MediaTitle	Head Topics (headtopics.com/my)		
Date	28 Sep 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	7	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 900
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,700

## Mardi lancar baka kambing baharu dikenali BK

BK merupakan kacukan antara baka kambing Boer betina dan baka kambing Katjang jantan, di mana hasilnya menjadi baka BK yang bersaiz sederhana besar. #utusanonline  
BK merupakan kacukan antara baka kambing Boer betina dan baka kambing Katjang jantan, di ma...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)



Headline	MARDI lancar baka kambing baharu dikenali BK		
MediaTitle	Malaysia Shafaqna (malaysia.shafaqna.com)		
Date	28 Sep 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	2
Order Rank	5	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 800
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,400

## MARDI lancar baka kambing baharu dikenali BK

KLUANG: Baka kambing baharu, dikenali sebagai 'BK' dilancarkan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), hari ini, sekali gus bakal memenuhi kehendak pasaran selain memastikan bekalan makanan negara ini terus terjamin.  
Baca tapak asa...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Headline	Mardi launches BK goat breed		
MediaTitle	Bernama.com (www.bernama.com)		
Date	28 Sep 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	5
Order Rank	4	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,250
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,750

## Mardi launches BK goat breed

KLUANG, Sept 28 -- The Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) today launched a new breed of goat called 'BK' in an effort to ensure adequate food supply in the country. Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahudd...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Headline	MARDI "BK"		
MediaTitle	China Press (www.chinapress.com.my)		
Date	28 Sep 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	4
Order Rank	6	Readership	3
Language	Chinese	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,400
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,200

## MARDI "BK"

28MARDI"BK"COE80  
Kambing KatjangKambing Boer)...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/9/2019	MY METRO	ONLINE	

## Dilatari kehijauan alam



PROJEK Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang dilancarkan semula oleh kerajaan bukan saja memberi limpahan ekonomi kepada penduduk setempat, tetapi dalam masa sama melonjakkan nilai hartanah di kawasan berkenaan.

Antara kawasan yang turut merasai impak projek berskala besar itu adalah Mentakab yang mana satu stesen akan ditempatkan di kawasan berkenaan seterusnya memberi nilai tambah kepada penduduk di kawasan itu.

Menyedari potensi kawasan berkenaan, Prosper Sunshine Sdn Bhd membangunkan kawasan berkeluasan 20.2 hektar bagi menjalankan projek kediaman moden yang diberi nama Lestarry Heights.

Pengarah Projek Lestarry Heights, Lee Chuen Haur berkata, pihaknya menawarkan kediaman berpagar dan berpengawal yang pertama seumpamanya di Mentakab.

Katanya, Lestarry Heights adalah pilihan yang tepat bagi mereka yang mahukan kediaman yang mempunyai ruang dalaman yang selesa dan dilengkapi pelbagai kemudahan moden.

"Lestarry Heights mempunyai perkhidmatan pengawal keselamatan 24 jam bagi menjamin keselamatan penghuni di samping pelbagai kemudahan seperti kolam renang, gimnasium, gelanggang bola keranjang dan badminton, dewan serbaguna serta taman rekreasi.

"Kami menawarkan tiga jenis rumah iaitu teres dua tingkat, berkembar dua tingkat dan teres mewah dua setengah tingkat yang menampilkan reka bentuk moden dan inovatif yang pastinya dapat memenuhi citarasa dan gaya hidup penghuninya," katanya.

Beliau berkata, kebanyakan rumah di Mentakab berkonsepkan tradisional, baik dari segi reka bentuk dan penggunaan bahan binaan, justeru pihaknya mahu mencipta kelainan dengan menampilkan reka bentuk yang lebih moden dan elit.



**LOKASI** Lestarry Heights sangat ideal.

Katanya, Lestarry Heights juga adalah projek yang turut mengambil kira aspek kelestarian alam dengan mengekalkan unsur hijau di sekeliling kawasan kediaman.

Lee berkata, sebaik saja ECRL mula beroperasi, Mentakab dijangka menjadi pusat bagi bandar sekitarnya termasuk Bera, Jerantut, Bentong dan Karak, sekali gus membuatkan potensi pembangunan di kawasan itu tidak terbatas.

"Projek Lestarry Heights ini berada pada landasan yang tepat berdasarkan sambutan yang amat menggalakkan diterima daripada orang ramai bagi rumah teres dua tingkat yang sudah dilancarkan.

"Ia secara tidak langsung menunjukkan trend pembangunan perumahan yang semakin meningkat di Mentakab," katanya.

Beliau berkata, pihaknya sudah melancarkan fasa kedua projek rumah berkembar dua tingkat dan mendapat maklum balas yang positif dari Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, Timbalan Menteri Kerja Raya merangkap Ahli Parlimen Temerloh, Mohd Anuar Mohd Tahir dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Mentakab, Woo Chee Wen yang menghadiri Majlis Rumah Terbuka Aidifitri anjuran Prosper Sunshine Sdn Bhd (anak syarikat MZEC) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT) pada 18 Jun lalu.

"Kami berbesar hati apabila mereka memberikan komen positif terhadap reka bentuk kediaman moden ini dan menghargai usaha Lestarry Heights untuk menyediakan kemudahan yang lengkap dan praktikal.

"Malah, mereka juga percaya Lestarry Heights dapat memberi sumbangan positif dalam meningkatkan taraf dan kualiti hidup penduduk Mentakab di samping mempromosikan pembangunan ekonomi," katanya.

Lokasi Lestarry Heights ini dikira sangat ideal kerana ia terletak di laluan antara Kuantan ke Kuala Lumpur, berdekatan dengan pusat beli-belah Mentakab Starmall malah perjalanan ke bandar Mentakab mengambil masa 10 minit manakala ke Temerloh lebih kurang 15 minit saja.

Apa yang dapat disimpulkan adalah projek ini sesuai bagi mereka yang mahu merasai suasana kediaman yang tenang, harmoni dan dikelilingi kehijauan.

Bagi mereka yang mahu mendapatkan maklumat lanjut mengenai Lestarry Heights, boleh menghubungi talian 012-3800641 atau 012-3800216 dan kunjungi pejabat jualan Lestarry Heights.



## **RAMAH MESRA**

**AHLI Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan, Mohd. Hisyamuddin Ghazali (dua dari kanan) menyantuni sebahagian peladang pada Program Kasih Peladang Kelantan di Rantau Panjang, Kelantan semalam.**

Belum terima ba... subsidi, musim penanaman padi akan bermula

# 100,000 pesawah gelisah

**PERAGAJUBANG BANGSA**  
KUALA LUMPUR  
100,000 pesawah di negeri ini gelisah kerana belum menerima subsidi untuk musim penanaman padi akan bermula pada hujung bulan ini.



**DATUK ABDUL LATEH MOHD. SAMAN**  
Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri Kedah.

dang (LPPA) kerana tidak menerima subsidi untuk musim penanaman padi akan bermula pada hujung bulan ini. Beliau berkata, kekurangan subsidi ini akan memberi kesan kepada kualiti beras yang dihasilkan. Beliau juga berkata, kekurangan subsidi ini akan memberi kesan kepada kualiti beras yang dihasilkan.

**"Kekurangan subsidi ini akan memberi kesan kepada kualiti beras yang dihasilkan. Beliau juga berkata, kekurangan subsidi ini akan memberi kesan kepada kualiti beras yang dihasilkan."**

KERATAN Utusan Malaysia 23 September 2019.

## Atasi segera isu baja padi

### SAUDARA PENGARANG,

**SAYA** merujuk laporan *Utusan Malaysia* bertarikh 23 September 2019 berhubung kira-kira 100,000 pesawah di Kedah berada dalam keadaan gelisah kerana baja padi subsidi untuk mereka difahamkan masih belum sampai lagi. Masalah tersebut dinyatakan oleh Pengerusi Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Kedah, Datuk Abdul Lateh Mohd. Saman.

Berdasarkan sedikit pengetahuan saya, seperti biasa proses seterusnya ialah berkaitan kesuburan dan tumbesaran. Seperti mana lazim berlaku kepada manusia dan haiwan memerlukan makanan berzat untuk tujuan proses pembesaran maka begitu juga pohon padi. Sudah tentulah memerlukan pembajaan sebagai sumber penting pemakanan.

Seperti kita sedia maklum, kekurangan zat makanan akan memberi kesan negatif kepada pembesaran dan dalam konteks pokok padi ialah kualiti beras yang akan dihasilkan kemudian. Kekurangan baja menyebabkan beras dihasilkan tidak berkualiti.

Di samping menghasilkan beras tidak berkualiti, ia juga sudah pasti akan mempengaruhi kuantiti timbangan, justeru akan

"Seperti kita sedia maklum, kekurangan zat makanan akan memberi kesan negatif kepada pembesaran dan dalam konteks pokok padi ialah kualiti beras yang akan dihasilkan kemudian. Kekurangan baja menyebabkan beras dihasilkan tidak berkualiti."

memberi impak hasil tuaian atau pendapatan pesawah. Implikasi secara logiknya sudah pasti menjejaskan kuasa belian. Lazimnya apabila kuasa belian yang lemah di tangan pengguna tanpa mengira dari sektor mana mereka berada akan turut menjejaskan sektor-sektor lain termasuk perniagaan dan sebagainya.

Oleh hal yang demikian, saya berpendapat dan berharap kerajaan memberi perhatian serius dan segera dalam menangani masalah ini.

**ORANG KAMPUNG**  
Sungai Petani, Kedah

# PPK perlu realisasi lima kluster

*Lima kluster baharu itu ialah padi, perladangan, penternakan ayam, trading dan ruminan*

HAZELEN LIANA  
KAMARUDIN

## RANTAU PANJANG

**P**ertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) mahu Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) merealisasikan lima kluster baharu yang diperkenalkan untuk meningkatkan lagi hasil pertubuhan itu pada masa hadapan.

Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Mohd Hisyamuddin Ghazali berkata, peningkatan hasil pendapatan pertubuhan itu akan turut memberikan limpahan nikmat kepada ahli peladang terdiri daripada petani.

"Lima kluster itu ialah padi, perladangan, penternakan



Mohd Hisyamuddin (tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan zakat sempena program Kasih Peladang Kelantan di SK Sri Rantau Panjang 2 semalam.

ayam, trading dan ruminan membabitkan lembu serta kambing," katanya pada majlis penyampaian zakat sempena Program Kasih Peladang Kelantan di Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Rantau Panjang 2 di sini semalam.

Seramai 295 penerima daripada lima PPK iaitu Kubang Buntut, Alor Mas, Chetok, Kangkong dan Rantau Panjang menerima sumbangan zakat RM159,000.



MOHD HISYAMUDDIN

Mohd Hisyamuddin berkata, semua sektor yang diperkenalkan itu mempunyai potensi yang tinggi dan mampu beri pulangan lumayan, sekali gus menambahkan



Mohd Hisyamuddin (dua dari kanan) beramah mesra dengan petani yang menghadiri majlis sumbangan zakat sempena program Kasih Peladang Kelantan di SK Sri Rantau Panjang 2 semalam.

pendapatan ahli peladang. Menurutinya, Nafas akan menjadikan PPK sebagai tonggak utama dalam menggerakkan projek berkenaan. "Sebab itulah sebanyak 279 PPK yang ada di seluruh Malaysia perlu memberikan sokongan padu kepada Nafas bagi merealisasikan transformasi bidang pertanian di negara ini.

"Tiga bidang iaitu ruminan (termakan lembu dan kambing), padi dan trading telah berada pada peringkat menandatangani

memorandum persefahaman (MoU), manakala selebihnya di peringkat perbincangan.

"Kita mahu perkara ini direalisasikan dengan segera bagi menarik lebih ramai golongan muda menyayak dan memperluaskan nafas baharu bidang pertanian di Malaysia," katanya.

Program Kasih Peladang melibatkan 10 lokasi di seluruh negara termasuk Johor, Kedah, Pahang, Peris dan Kelantan yang memberi manfaat kepada kira-kira 4,300 penerima tahun ini.

Headline	NAFAS members urged to cash in on agricultural clusters		
MediaTitle	Bernama.com (www.bernama.com)		
Date	28 Sep 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	5
Order Rank	4	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,250
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,750

## NAFAS members urged to cash in on agricultural clusters

PASIR MAS, Sept 27 -- The National Farmers' Organisation (NAFAS) wants Area Farmers' Organisation (PPK) members in Kelantan to take advantage of the five new agricultural clusters – padi, poultry, plantation, trading and livestock farming – to make extra ...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***



Headline	NAFAS members urged to cash in on agricultural clusters		
MediaTitle	Bernama.com (www.bernama.com)		
Date	28 Sep 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	5
Order Rank	4	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,250
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,750

## NAFAS members urged to cash in on agricultural clusters

PASIR MAS, Sept 27 -- The National Farmers' Organisation (NAFAS) wants Area Farmers' Organisation (PPK) members in Kelantan to take advantage of the five new agricultural clusters – padi, poultry, plantation, trading and livestock farming – to make extra ...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/9/2019	BERITA HARIAN	ONLINE	

## Malaysia tumpu sektor pertanian



KUALA LUMPUR: Malaysia akan melakukan pengubahsuaian struktur dalam hala tuju ekonominya dengan memberi fokus utama terhadap sektor pertanian tetapi pada masa sama mengekalkan momentum pertumbuhan sektor perindustrian.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata pertanian bakal menjadi sektor penting dalam usaha kerajaan dalam usaha membawa ekonomi negara ke peringkat seterusnya.

"Bagi mencapai matlamat berkenaan, sektor pertanian memerlukan skala ekonomi dalam pengeluarannya. Petani dengan dua atau tiga ekar tanah tidak akan memiliki wang secukupnya untuk sara hidup.

"Sehubungan itu pendekatan baru kita adalah dengan menggabungkan ladang kecil untuk diurus secara profesional, cekap dan mampu menjana pendapatan lebih tinggi kepada petani," katanya.

Beliau menyampaikan ucapan pada sesi diskusi panel 'Pengawasan Alam Sekitar Dalam Menangani Kemiskinan untuk Mencapai Pembangunan Mampan' yang diadakan di luar sesi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) ke-74 di New York, Amerika Syarikat, semalam.

Mohamed Azmin berkata, selari dengan kemajuan Revolusi Perindustrian 4.0 (RI4.0), sektor pertanian mampu dipertingkatkan menerusi pertanian pintar.

Katanya, ini termasuk penerapan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (AI), automasi, analitik Big Data, dron dan robotik yang mampu meningkatkan produktiviti sektor pertanian.

"Keperluan ini turut membangunkan modal insan berkemahiran tinggi seperti pengurus ladang yang memiliki sijil profesional selain mampu memaksimumkan pengeluaran serta menguruskan ladang secara profesional dan cekap.

"Ini turut mewujudkan pekerjaan baharu berpendapatan tinggi yang disifatkan penting dalam meningkatkan sosioekonomi pekerja pertanian sebagai langkah untuk meningkatkan kuasa beli mereka," katanya.

Beliau berkata, memandangkan Malaysia teguh dengan komitmen untuk mencapai pembangunan mampan dalam menangani kemiskinan, pendekatan yang digunakan akan mengambil kira semua bidang ekonomi.

Katanya, ia bukan saja untuk mengukuhkan asas ekonomi negara tetapi juga meningkatkan daya beli dan menyediakan taraf hidup yang baik untuk rakyat menjelang 2030 menerusi kemakmuran bersama yang akan dikongsi semua rakyat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/9/2019	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

## Bajet 2020 perlu lahirkan ramai usahawan tani



KUALA LUMPUR 27 Sept - Kerajaan perlu memberi peruntukkan dalam hal berkaitan melahirkan lebih ramai usahawantani pada Bajet 2020 nanti.

Dr. Mad Nasir Shamsudin

Bekas Dekan Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM) Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Shamsudin berkata langkah itu perlu bagi menambah kecakapan dan meningkatkan produktiviti sektor pertanian dan pengeluaran makanan,

“Ini kerana sektor pertanian perlu diusahakan secara komersial dengan mengamalkan pengurusan perniagaan dan teknologi pertanian.

“Untuk itu sektor ini perlu lebih ramai lagi usahawantani yang dapat mengamalkan perniagaan dan penggunaan teknologi pertanian,” ujarnya.

UPM kata beliau mempunyai kepakaran untuk melatih usahawantani menerusi Program Inkubasi Usahawantani bagi sekiranya diambil perhatian dalam Bajet 2020 ini.

Mengulas lanjut beliau berkata, bagi memandangkan ke hadapan, isu bekalan makanan yang mencukupi dengan kualiti, khasiat dan cita rasa yang dikehendaki serta harga mampu beli, ia tidak boleh dilihat dari segi keuntungan pelaburan semata-mata, tetapi daripada sudut pulangan sosial dari segi keamanan dan kestabilan negara perlu di beri penekanan dalam Bajet 2020 ini.

Bajet 2020 akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada 11 Oktober ini.

Mad Nasir berkata, sektor pertanian di Malaysia secara amnya terbahagi kepada dua subsektor, iaitu tanaman industri dan subsektor makanan.

“Secara amnya, tanaman industri seperti minyak sawit, telah berkembang dengan pesat dan menyumbang dengan signifikan dalam pembangunan negara dan eksport komoditi.

“Tanaman ndustri ini diterajui oleh sektor perladangan yang mempunyai amalan pengurusan yang baik,” ujarnya lagi.

Namun bagi subsektor makanan yang terdiri tanaman, ternakan dan perikanan belum lagi setanding dengan pencapaian tanaman industri dan menghadapi banyak isu-isu yang menghalang kepada pembangunan pesat subsektor berkenaan.

Ini kerana kadar sara diri (SSL) adalah rendah bagi makanan asas seperti beras (72 peratus), daging lembu (28 peratus), daging kambing (10 peratus), susu (lima peratus), buah-buahan (66 peratus) dan sayur-syuran sebanyak 39 peratus.

Kesannya, Malaysia menjadi pengimport bersih makanan dengan defisit imbalan dagangan (BOT) yang meningkat dari tahun ke tahun.

Sebagai contoh kata beliau pada tahun 1990, BOT perdagangan makanan adalah RM1.1 bilion.

Pada tahun 2006 pula BOT meningkat kepada RM8.5 bilion, dan RM16.5 bilion pada tahun 2016 yang disebabkan oleh peningkatan import yang lebih tinggi dengan purata sebanyak 10.6 peratus setahun dari 1990 hingga 2015.

Pada masa yang sama, peningkatan eksport adalah sebanyak purata 7.8 peratus setahun.

Justeru ia memerlukan ekosistem dan gandingan antara polisi, teknologi dan keusahawanan seperti berikut:

- Polisi – Negara-negara yang telah mencapai sekuriti makanan yang mampan umumnya mempunyai rekod sokongan yang kuat kepada sektor pengeluaran makanan.

Bagi merangsang pelaburan dalam pengeluaran makanan, insentif kepada sektor swasta mesti diberikan iaitu pulangan kepada pelaburan dalam pengeluaran makanan setanding dengan tanaman industri.

- Teknologi Sistem Pertanian– Salah satu punca iaitu produktiviti pertanian yang rendah di Malaysia adalah kurang penggunaan teknologi sistem pertanian.

Insentif perlu diberi kepada pelaburan dan penyelidikan dalam teknologi sistem pertanian.

Contoh teknologi yang dimaksudkan adalah sensor tanah dan air, pengesanan cuaca, pencitraan satelit, automasi, pertanian menegak, Internet of Things (IoT), kepintaran buatan (AI) nanoteknologi, penggunaan teknologi Sistem Penentu Kedudukan Global (GPS) pertanian, robotik, automasi dan pertanian tepat.

- Keusahawanan – Bagi menjamin bekalan makanan, sektor ini memerlukan usahawantani yang boleh mengamalkan pengeluaran makanan secara komersial dan berteknologi tinggi.



Rosmawati (kiri) dan Siti Norjannah bersama buku *Penyu Karah, Khazanah Laut Negeri Melaka* pada perasmian Galeri Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu di Alor Gajah, Melaka. (Foto Hassan Omar/BH)

## Penyu karah khazanah laut Melaka

Kerajaan negeri boleh manfaat jadi pusat kajian, pulihara elak spesies pupus

Oleh Hassan Omar  
bhnews@bh.com.my

**Alor Gajah:** Penyu karah dikenal pasti spesies penyu paling banyak mendarat di pantai negeri ini berbanding negeri lain, sekali gus membolehkan Melaka menjadi pusat kajian dan ekopelancongan.

Sepanjang 2006 hingga 2015, 4,275 pendaratan penyu karah dicatatkan di 18 pantai di negeri ini, iaitu Pulau Upeh, Tanjung Kling, Kem Terendak, Tanjung Bidara, Balik Batu, Pasir Gembur dan Padang Kemunting.

Pantai lain, Sungai Udang, Telok Gong, Teluk Belanga, Kampung Tengah, Kuala Linggi, Meriam Patah, Tanjung Serai, Sungai Kertah, Tanjung Dahan, Pengkalan Balak dan Pulau Burung.

Jumlah pendaratan paling tinggi pada 2011, iaitu 568 diikuti 2013 (481), 2014

(436), 2015 (418), 2010 (402) dan yang paling rendah pada 2012 (363).

Ini dijelaskan oleh dua penulis buku *Penyu Karah: Khazanah Laut Negeri Melaka*, iaitu bekas Pengarah Jabatan Perikanan Melaka (sekarang Ketua Cawangan Pembangunan, Latihan dan Kemajuan Kerjaya Jabatan Perikanan Putrajaya) Rosmawati Ghazali, dan bekas pegawai Jabatan Perikanan Melaka (sekarang Penolong Pengarah Pusat Biosekuriti Jabatan Perikanan Putrajaya), Siti Norjannah Johari.

Rosmawati berkata, Melaka mencatatkan jumlah pendaratan penyu karah tertinggi di Semenanjung berbanding Terengganu dan Pahang yang mencatatkan jumlah pendaratan penyu spesies agar paling tinggi.

"Dengan jumlah pendaratan penyu karah semakin meningkat di Melaka, ia dikategorikan sebagai khazanah laut paling berharga di negeri ini, sekali gus perlu dipulihara bagi memastikannya tidak pupus," katanya kepada *BH* selepas perasmian Galeri Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu (PKPP).

Ia dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Pembangunan Usahawan, Industri Asas

Tani dan Koperasi negeri, Norhizam Hassan Baktee di pusat itu di Padang Kemunting, Masjid Tanah, dekat sini, semalam.

Yang hadir sama Ketua Unit Pembangunan Akua-kultur Jabatan Perikanan Melaka, Doreen Wee Siew Leen dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjung Bidara, Halim Bachik.

Selain merasmikan galeri berkenaan, Norhizam turut melancarkan buku itu yang dihasilkan melalui kajian kedua-dua penulis terbabit selama empat tahun mulai 2014 dan diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), baru-baru ini.

Siti Norjannah berkata, PKPP penting dalam usaha memulihara penyu, terutama penyu karah dan antara usaha paling berkesan mengeluarkan lesen kepada 17 penungut telur penyu berdasarkan 500 sarang telur penyu dicatatkan setahun.

"Sebanyak 417,130 telur penyu karah dihasilkan melalui pendaratan 3,432 penyu karah di negeri ini dari 2006 hingga 2018.

"Hanya 60 peratus atau 253,926 telur penyu karah berjaya melalui proses penetasan yang baik sebelum anak penyu dilepas ke laut," katanya.

# Kerajaan fokus sektor pertanian

**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan memberi fokus utama terhadap sektor pertanian dan pada masa sama mengekalkan momentum pertumbuhan sektor perindustrian dalam usaha membawa ekonomi Malaysia ke peringkat seterusnya.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata melalui pengubahsuaian struktur dalam hala tuju ekonomi itu, pertanian bakal menjadi sektor penting dalam usaha kerajaan membawa ekonomi negara ke peringkat seterusnya.

"Bagi mencapai matlamat berkenaan, sektor pertanian memerlukan skala ekonomi dalam pengeluaranannya. Petani dengan dua atau tiga ekar tanah tidak akan memiliki wang secukupnya untuk sara hidup.

"Sehubungan itu, pendekatan baharu kita adalah dengan menggabungkan ladang kecil untuk diurus secara profesional, cekap dan mampu menjana pendapatan lebih tinggi kepada petani," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada sesi diskusi panel 'Pengawasan Alam Sekitar Dalam Menangani



**Mohamed Azmin berucap pada panel 'Pengawasan Alam Sekitar Dalam Menangani Kemiskinan untuk Mencapai Pembangunan Mampan' di New York, kelmarin.**

Kemiskinan untuk Mencapai Pembangunan Mampan' di luar Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) ke-74 di New York, kelmarin.

Mohamed Azmin berkata, sesi dengan kemajuan Revolusi

tar menerusi penggunaan semua teknologi berkenaan mampu meningkatkan produktiviti sektor terbabit.

"Keperluan ini termasuk membangunkan modal insan berkemahiran tinggi seperti pengurus ladang yang memiliki sijil profesional, selain mampu memaksimumkan pengeluaran serta menguruskan ladang secara profesional dan cekap.

"Langkah ini akan turut mewujudkan pekerjaan baharu berpendapatan tinggi yang penting dalam meningkatkan sosioekonomi pekerja pertanian, sekali gus dapat meningkatkan kuasa beli mereka," katanya.

Beliau berkata, memandangkan Malaysia teguh dengan komitmen untuk mencapai pembangunan mampan dalam menangani kemiskinan, pendekatan yang digunakan akan mengambil kira semua bidang ekonomi.

Katanya, ia bukan sahaja untuk mengukuhkan asas ekonomi negara, tetapi juga meningkatkan daya beli dan menyediakan taraf hidup yang baik untuk rakyat menjelang 2030 menerusi kemakmuran bersama yang dikongsi semua.

Perindustrian 4.0 (RI4.0), sektor pertanian mampu dipertingkatkan menerusi pertanian pintar termasuk penerapan teknologi baharu seperti kecerdasan buatan (AI), automasi, analitik 'Big Data', dron dan robotik.

Beliau berkata, pertanian pin-



Hasjlikman bersama sebahagian lembu ternakan di ladang ternakannya di Felda Chini 3, Pekan, Pahang baru-baru ini.

## ***Bidang ternakan tak glamor tetapi lumayan***

**PEKAN** - Bergelumang dengan bau lembu dan kambing dilihat sebagai pekerjaan tidak glamor, namun jika diusahakan dengan bersungguh-sungguh boleh mendatangkan pulangan lumayan.

Generasi kedua Felda Chini 3 di sini, Hasjlikman Othman, 35, mula membela ternakan dalam ladang kelapa sawit sejak lima tahun lalu dan setakat ini mempunyai 85 ekor lembu selain 20 ekor kambing.

Bapa kepada tiga orang anak berusia antara satu dan enam tahun itu mengakui, bidang ternakan yang sebelum ini dilakukan secara sukanya kini amat membantu terutama semasa berdepan kejatuhan harga komoditi itu.

"Sekurang-kurangnya dua ekor lembu dapat dijual setiap bulan dengan harga sekitar RM22 sekilogram.

"Pada Aidiladha lepas, saya menjual lapan ekor lembu dengan harga RM3,800 seekor.

"Jualan kambing pula le-

bih stabil kerana hampir 20 ekor kambing ditempah setiap bulan yang dijual antara RM900 hingga RM950 seekor mengikut berat," katanya pemberita di sini baru-baru ini.

Hasjlikman berkata, beliau mengeluarkan modal sekitar RM30,000 untuk membeli 15 ekor lembu untuk dijadikan induk di awal pembabitannya dalam industri penternakan, manakala RM10,000 pula adalah modal permulaan ternakan kambing.

"Hendak beri makan pun mudah kerana saya beri rumput napier yang ditanam berhampiran kawasan ladang, cuma setiap bulan kena belanja juga beberapa ratus ringgit untuk beli pallet makanan lembu dan kambing," katanya.

Sebagai nilai tambah kepada dirinya, Hasjlikman juga mengikuti kursus sembelihan dengan Jabatan Agama Islam Pahang, selain kursus Jabatan Veterinar bagi mendalami ilmu penternakan - *Bernama*

## Azmin: Agriculture sector vital to bring economy to next level

**NEW YORK:** The agriculture sector is going to be important to launch the Malaysian economy to the next level, said Economic Affairs Minister Datuk Seri Azmin Ali.

As poverty is higher in states whose economies are driven by agriculture, the government needs to correct the imbalance in wealth distribution and reduce disparity between income classes, ethnic groups, territories and the supply chain, he said.

"Therefore, Malaysia has taken a comprehensive

view to measure the poverty line with the introduction of the Multi-dimensional Poverty Index, which takes into account demographic factors, education, health and standard of living to provide a clearer picture of the socioeconomic needs of society," Azmin said at a United Nations side event on poverty eradication on Thursday.

He said this was among the core objectives of the Shared Prosperity Vision that will be undertaken by Malaysia in its long-term development plan for the next 10 years.

"As a start, we need to deepen our research and development into mixed farming so that the agriculture sector does not entirely rely on rubber and palm oil produce, but instead will devote a portion of land to production of cash crops such as vegetables, fruits and flowers that are very much in demand in the global market," Azmin said.

The side event on "Environ-

mental Stewardship in Addressing Poverty to Achieve Sustainable Development for All" was hosted by Malaysia, with support from Turkey and Pakistan.

Azmin said Malaysia's food import bill last year stood at more than RM50 billion and growing year by year, adding that much of the crops that are imported can be replaced by local production.

"To achieve this, it requires economies of scale in production.

Hence, our new approach will amalgamate smaller farms to be managed professionally, efficiently and thus generating higher income for farmers."

Azmin said the agriculture sector could be enhanced through smart farming, using new technology like artificial intelligence, automation, Big Data analytics, drones and robotics.

This necessitates developing high-skill human capital, such as farm managers that are professionally-certified and able to maximise production; as well as manage the farms professionally and efficiently.

"This also creates new high-income jobs that are crucial in uplifting the socioeconomic conditions of the agriculture workforce as one of the measures to increase their purchasing power."

Azmin said as Malaysia remains steadfast in its commitment to achieving sustainable development for all in addressing poverty, a similar approach will be taken in all areas of the economy.



## Detained Viet fishermen make a dash for freedom in Sandakan



**Wanted men:** The three escaped Vietnamese detainees.

**KOTA KINABALU:** Three Vietnamese men who were arrested for intruding into Sabah waters have escaped from police detention.

The men, identified as Vo Minh Naiy, 43, Ngyugu Vain Phong, 47, and Vo Minh Taanh, 32, escaped on Sept 23, a day after they were detained in waters off Beluran in Sabah's east coast.

Sandakan police chief Asst Comm Mohd Azhar Hamin said that before their escape, they were taken out from the lockup by Fisheries Department officials to help pump out water from their fishing vessel.

"The fishing vessel was seized and kept at the Sandakan marine police base but there were some leaks, so the detainees were asked to pump out the water to prevent

the ship from sinking," he said in a statement yesterday.

He said that during the process, the Vietnamese managed to run away.

A manhunt is on for the suspects.

ACP Azhar urged the public to keep an eye out for the suspects and to report to their nearest police station if they have information on the escaped detainees.

## MAY TAKE 2 YEARS TO CULTIVATE LAND

# Bentong farmers may cease ginger production if forced to relocate to new site



Farmers in Bentong working on their ginger farms. FILE PIC

**BENTONG:** Bentong ginger farms on the hilly slopes of Kampung Bukit Tinggi near here might be forced to temporarily cease production.

The 231 farmers who have been told to relocate by the state government might need at least two years to cultivate the land before they can start growing ginger.

Bentong Smallholders' Association spokesman Wong Jing Yi said, "nothing is going to happen overnight" as the farmers needed to enrich the soil before planting ginger.

"Farmers are uncertain about their future (farming)...we need to spend a huge amount of money to enrich the soil at the new site.

"One tonne of organic fertiliser

costs around RM700, and for one acre (0.4ha), we need to use between eight and 10 tonnes of fertiliser. Just imagine how much we need to pay for a 286ha land.

"If we are forced to operate at the new site, we need to cultivate the land for two to three years before farmers can start planting vegetables and ginger.

"We might have to stop producing ginger for a while, and this will affect those selling downstream products, including ginger powder," he said yesterday.

"Bentong ginger is widely used to prepare dishes, and there are many hawkers selling freshly harvested produce. Once production stops, it will certainly affect the supply chain.

"There are about 20 lorries

transporting vegetables and ginger daily from our farms to the Selayang wholesale market and other areas. What is going to happen to them when the farmers stop production for about two years?" he asked.

Wong said he was surprised no representatives from the state government had visited the farmers.

"During a dialogue session with a state executive council member on May 13, we were told to vacate the land by next year. But we have not received anything in writing."

State MCA chairman Datuk Hoh Khai Mun said he would arrange a meeting between the farmers and Menteri Besar Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail.